

02 JUL 2003

Hadi-Dinar

PAS SOKONG PENGGUNAAN DINAR EMAS DALAM URUSAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA

KUALA TERENGGANU, 2 Julai (Bernama) -- Pas menyokong cadangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai penggunaan dinar emas dalam urusan perdagangan antarabangsa yang dijangka akan bermula akhir tahun ini, antara Malaysia dengan Iran.

Sambil menyifatkan langkah itu sebagai sangat baik, Pemangku Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang berkata penggunaan dinar emas sebenarnya telahpun ditonjolkan sebagai mata wang antarabangsa dalam sejarah kewangan Islam.

Menurut beliau penggunaan dinar emas itu juga dianggap relevan sebagai usaha membebaskan negara-negara Islam daripada belunggu penjajahan berbentuk ekonomi oleh negara barat.

"Kita bersetuju dengan cadangan tersebut dan ianya wajar di sokong oleh semua pihak, tapi kita berpendapat ia tidak harus terbatas dengan Iran sahaja kerana ia mestilah dikembangkan kepada negara Islam lain.

"Malaysia mesti bergabung dengan negara lain bagi menjayakan usaha ini sehingga kegemilangannya berjaya ditonjolkan semula," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan exco di sini hari ini.

Semalam, Dr Mahathir berkata jika kaedah urus niaga antara Malaysia dan Iran terbukti berjaya, ia akan diperluaskan ke negara lain terutama yang mempunyai perjanjian dua hala (BPA) dengan Kuala Lumpur.

Mengulas lanjut mengenai perkara itu, Abdul Hadi yang juga Menteri Besar Terengganu berkata teori penggunaan dinar emas sebenarnya telah dicetuskan Perdana Menteri Turki kira-kira 12 tahun lepas ketika rombongan ahli-ahli Parlimen Islam berkunjung ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

"Perdana Menteri Turki, Prof Necmettin Erbakan mencadangkan perlunya dunia Islam membebaskan belunggu penjajahan ekonomi barat dengan menggantikan dollar kepada dinar emas.

"Bagaimanapun ia belum sempat diadakan apabila Prof Necmettin dijatuhkan hasil agenda negara barat," katanya.

Abdul Hadi berharap isu dinar emas yang dicadangkan itu akan diberikan perhatian serius dan tidak hanya dijadikan modal politik semata-mata.

-- BERNAMA

AYB ERE AZH